

Staf UMSKAL gembira ikuti Kursus Pengurusan Marah

3.4.2013 UB B3

KAKITANGAN Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) gembira mengikuti Kursus Pengurusan Marah dan Kebijaksanaan Emosi anjuran Bahagian Pentadbiran pada 1 dan 2 April lalu.

Kursus dua hari yang diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 11 itu dikendalikan oleh Dekan Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Dr Huzili Hussin.

Antara lain, kursus itu menetapkan cara terbaik untuk mengawal rasa marah dan emosi ketika bersama-sama rakan di tempat kerja dan ahli keluarga terutama isteri dan anak-anak di rumah.

Huzili menasihatkan kakitangan supaya membina suasana menang-menang, elakkan gosip serta khabar angin dan elakkan diri dari rantaian fitnah sebagai antara strategi bagi meningkatkan komunikasi berkesan di

tempat kerja.

“Selain itu, elakkan melabel dan mengumpat, jauhkan senda gurau yang keterlaluan di tempat kerja,” katanya.

Beliau juga mahu kakitangan sentiasa konsisten, mendampingi orang lain, jangan lokek memberikan penghargaan

dan pujian, bersikap terbuka dan hormat serta patuhi majikan.

Huzili turut memberikan panduan strategi membentuk keperibadian positif di tempat kerja antaranya mengamalkan kejujuran dan keikhlasan, hulurkan senyuman, perawakan kemas,

bertanggungjawab, semangat kekitaan, beradab dan membina suasana ceria.

Seramai 40 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan menyertai kursus itu yang banyak memberi manfaat kepada kakitangan terutama ketika berada di tempat kerja.



HUZILI (lima kanan) bersama peserta Kursus Pengurusan Marah dan Kebijaksanaan Emosi di UMS Labuan.